

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]
TARIKH : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kerajaan dalam memastikan sektor ekonomi dapat dirancahkan semula bagi mengimbangi kejatuhan sektor tersebut akibat wabak pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah pun membentangkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) di Parlimen pada 26 Julai 2021. PPN yang merupakan pelan holistik bertujuan mengawal penularan COVID-19 bagi membolehkan pembukaan semula ekonomi dan aktiviti sosial negara secara progresif dalam mengimbangi perlindungan nyawa dan kelangsungan hidup rakyat. Selain itu, Pelan ini juga adalah merupakan strategi penyelesaian bagi membolehkan negara dibuka semula ekonomi dan aktiviti sosial secara berfasa dan selamat daripada krisis pandemik COVID-19.
2. Antara objektif utama PPN yang telah digariskan dalam memastikan sektor ekonomi dapat dirancahkan semula ialah **Membuka semula ekonomi dan aktiviti sosial secepat mungkin**. Selain itu, PPN juga telah menggariskan empat(4) strategi umum bagi memastikan objektif PPN dapat dicapai seperti berikut:
3. **Strategi Pertama** ialah pelonggaran sekatan berasaskan bukti dengan mengambil pengajaran daripada pengalaman negara-negara lain, nasihat pakar dalam dan luar negara;

4. **Strategi Kedua** ialah memperkukuh respon penjagaan kesihatan terhadap pandemik dengan memutuskan rantai penularan melalui pengukuhan ujian saringan, pengesanan kontak dan langkah pengasingan yang dipertingkatkan serta mengurangkan morbiditi dan kematian menerusi peningkatan kapasiti penjagaan kesihatan;

5. **Strategi Ketiga** ialah mengimunisasi Rakyat melalui pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Setakat 3 Oktober 2021, peratusan jumlah penduduk dewasa yang telah lengkap divaksinasi adalah sebanyak 87.6% atau melebihi 20 juta orang dan sebanyak 94.3% atau 22 juta individu telah mendapat sekurang-kurangnya satu dos. Kerajaan juga sedang mempertimbangkan langkah-langkah seterusnya bagi terus meningkatkan perlindungan melalui vaksinasi kepada lebih ramai penduduk di negara ini termasuk pemberian vaksin kepada remaja berumur 12 hingga 17 tahun yang telah bermula pada pertengahan September 2021.

6. **Strategi Keempat** ialah membantu rakyat dan perniagaan melalui lapan (8) pakej ransangan ekonomi yang bernilai RM530 bilion yang merangkumi inisiatif seperti bantuan tunai langsung, pembiayaan dan akses kepada perkhidmatan perbankan dan inisiatif pengekalan dan penciptaan pekerjaan.

7. Momentum PPN akan diteruskan dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif yang akan diumumkan di bawah Bajet 2022 dan Rancangan Malaysia ke-12 seterusnya merancakkan lagi ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.